

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**  
**DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK LIANG TECK MENG**  
**[ SIMPANG RENGAM ]**

**TARIKH : 23 MAC 2015**

**SOALAN : YB Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan:**

- (a) apakah peranan yang dimainkan oleh Malaysia dalam Institut Audit Tertinggi ASEAN, terutamanya apabila Malaysia menjadi Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015 ini; dan
- (b) Bagaimanakah penglibatan Malaysia di dalam ASEANSI memberikan impak kepada pengauditan sektor awam

## **JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Simping Renggang atas soalan yang dikemukakan.

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Malaysia melalui Jabatan Audit Negara merupakan salah sebuah ahli negara anggota Pertubuhan Audit Negara ASEAN yang dikenali sebagai, dengan izin, *ASEAN Supreme Audit Institutions* atau ASEANSAI. Objektif penubuhan ASEANSAI adalah untuk mempromosikan dan menerapkan tadbir urus yang baik dalam pengurusan wang awam melalui perkongsian pengetahuan, latihan dan penyelidikan serta kerjasama di kalangan ahli ASEANSAI. Ketua Audit Negara Malaysia adalah pengerusi bagi Jawatankuasa Perkongsian Pengetahuan atau dengan izin, *Knowledge Sharing Committee*. Jawatan ini memberi peluang kepada Malaysia mengetengahkan topik-topik pengauditan bagi menangani isu-isu umum di kalangan ahli ASEANSAI.

3. Perkongsian dan pertukaran pengetahuan, pengalaman, amalan terbaik dan dengan izin, *lessons learnt* berhubung penemuan pengauditan serta teknik dan metodologi pengauditan terkini dapat menyumbang kepada peningkatan mutu pengauditan sektor awam dengan penghasilan garis panduan dan senarai semak pengauditan.

4. Di samping itu, ia dapat mewujudkan, dengan izin, *Subject Matter Experts / Facilitators Pool* dalam bidang pengauditan tertentu misalnya, pengauditan kewangan, pengauditan pengkhususan seperti alam sekitar, teknologi maklumat, perolehan, pembinaan dan alam sekitar.

5. Jawatankuasa Perkongsian Pengetahuan ASEANSAI juga bekerjasama dengan *German Society for International Cooperation* untuk melaksanakan program/aktiviti perkongsian pengetahuan yang lebih efektif. Kepakaran daripada pihak GIZ atau pakar yang dibawa oleh mereka dapat membangun kapasiti institusi audit negara ASEAN.

Tuan Yang di-Pertua

6. Sebagai Pengerusi ASEAN bagi tahun 2015, Malaysia telah meminta ASEANSAI mencadangkan objektif strategik dan kerangka tindakan kepada Malaysia, yang juga akan bertindak sebagai Pengerusi Peringkat Tinggi Pasukan Petugas Visi Komuniti ASEAN pasca 2015. Objektif strategik dan kerangka tindakan yang bakal dikemukakan itu akan lebih tertumpu kepada aspek ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran awam.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL  
AZIZ  
(RAUB)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 23.03.2015**

**Y.B. DATO' MOHD ARIFF SABRI BIN ABDUL AZIZ [ RAUB ]** minta  
**MENTERI KEWANGAN** menyatakan :-

- a. apakah kriteria yang digunakan untuk melantik Goldman Sachs mengurus penjualan bon 1MDB yang bernilai RM5 bilion pada kadar pulangan 5.75 peratus berbanding kos penjualan bon Petronas pada kadar 3.6 peratus, memandangkan reputasi Goldman Sachs terjejas di dalam skandal "*subprime loans*" di AS; dan
- b. adakah kadar 5.5 peratus ini terbaik untuk 1MDB.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Goldman Sachs telah dipilih untuk mengurus bon Islamik bernilai RM5 bilion kerana syarikat adalah salah sebuah daripada sebilangan kecil bank di Amerika Syarikat yang berkeupayaan untuk mengawal selia terbitan hutang bersaiz dan berskala besar seperti ini.

2. Kebimbangan terhadap kadar faedah 5.75% yang dikenakan kepada bon Islamik tersebut pada 2009, dengan tanggapan bahawa kadar faedahnya tinggi adalah tidak berasas oleh kerana terbitan bon 1MDB merupakan bon Islamik pertama di Malaysia yang ditawarkan dengan tempoh pegangan selama 30 tahun.